



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 48
No. 19

14hb September 1995

*TAMBAHAN No.15
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 21.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM
1989

FATWA TENTANG BUKU “HADIS SATU PENILAIAN
SEMULA” OLEH KASSIM AHMAD

En. 2/1989.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

- (1) Buku “HADIS SATU PENILAIAN SEMULA” yang ditulis oleh Kassim Ahmad didapati mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam serta boleh mengelirukan dan menyesatkan masyarakat Islam dan oleh itu adalah diharamkan.
- (2) Orang Islam dilarang mengamalkan apa-apa ajaran, pandangan atau fahaman yang terkandung dalam buku itu.
- (3) Orang Islam dilarang menyimpan, menyalin atau memberikan ceramah tentang isi kandungan buku itu.

Dibuat pada 21hb Ogos 1995.

Made the 21st August 1995.
[JAI. Sel. 8014/7 Jilid IV; P.U. Sel 2780.]

S.S. DATO' HAJI ISHAK BIN HAJI BAHAROM
Mufti
Negeri Selangor